

28 MAR 2003

IJN-Pembesaran (Bergambar)/I

IJN AKAN MEMPUNYAI TAMBAHAN 200 KATIL

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) -- Institut Jantung Negara (IJN) di sini akan mempunyai tambahan 200 katil di bawah projek pembesaran kemudahan di institut itu yang juga bertujuan menjadikannya sebagai antara hospital jantung terkemuka di dunia.

Pengerusi IJN Tan Sri Khatib Abdul Hamid hari ini berkata, projek bernilai RM200 juta itu yang dijangka siap dalam tempoh dua tahun adalah perlu memandangkan hospital yang berusia 10 tahun itu terpaksa menampung bilangan pesakit yang semakin meningkat.

" Saya mahu melihat IJN dibandingkan dengan yang terbaik di dunia. Itu bermakna ia mesti diiktiraf misalannya oleh Amerika Syarikat," kata beliau kepada Bernama dalam satu temubual.

Khatib, bekas diplomat veteran yang dilantik sebagai pengerusi IJN pada tahun lepas, berkata hospital itu sedang bekerjasama dengan dua hospital jantung terkemuka di Amerika Syarikat, iaitu Mayo Clinic dan Cleveland Clinic, yang dikatakan sebagai dua institusi perubatan terkemuka di dunia.

Projek pembesaran itu akan menyaksikan lebih banyak kemudahan rawatan insentif untuk mengatasi barisan panjang pesakit yang menunggu rawatan, khususnya pesakit kanak-kanak.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah meluluskan projek itu, telah memintanya supaya memastikan IJN terus menawarkan rawatan pada kos yang mampu bagi golongan kurang bernasib baik.

"Inilah yang menjadi asas penubuhan IJN. Bayaran yang kami kenakan adalah yang termurah di negara ini tanpa berkompromi dengan kualiti perkhidmatan," katanya.

Khatib berkata satu daripada ciri penting IJN ialah ia menempatkan di bawah satu bumbung "minda-minda Melayu terbaik dalam penjagaan kesihatan kardiovaskular dan kardiologi di negara ini".

Beliau berkata, walaupun dasar harganya itu, IJN, sebagai sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan mampu mencatatkan keuntungan tetapi daya majunya akan terjejas jika ia terus beroperasi dengan kemudahan yang terhad.

"Jika kita teruskan seperti ini, kita tidak boleh buat keuntungan, sebab itulah kita perlu berkembang. Jadi pemilik kita bersetuju yang kita perlu mengembangkan kemudahan tetapi saya sendiri perlu mencari sumber kewangannya," katanya apabila ditanya mengenai sumber kewangan yang membiayai pembesaran kemudahan IJN.

Khatib berkata, adalah penting bagi IJN untuk terus menarik tenaga pakar terbaik khususnya perunding, pakar bedah dan pakar.

" Sudah pasti semua perunding dan pakar bedah kami tertarik untuk bekerja di sini. Tetapi itu sahaja tidak memadai jika kita tidak boleh memberi ganjaran kepada mereka. Jadi mereka mesti menerima ganjaran mengikut apa yang ditawarkan di pasaran".

Tetapi ini tidak bermakna IJN perlu menawarkan gaji yang terbaik bagi kakitangannya.

"Mungkin kurang sedikit, tetapi kita mesti terus menawarkan kemudahan dan persekitaran yang mereka bangga dengan. Saya mesti berkata kesemua mereka berdedikasi tinggi," katanya.

Ditanya sama ada IJN juga mengalami aliran keluar tenaga pakar, beliau berkata ia kebanyakannya membabitkan jururawat yang memperoleh gaji yang jauh lebih tinggi di hospital-hospital Arab Saudi.

"Orang bertanya kepada saya sama ada seorang bekas diplomat seperti

saya mampu mengendalikan hospital. Saya yakin saya boleh membawa IJN ke mercu kejayaan yang lebih tinggi," kata Khatib yang juga duta khas kepada Perdana Menteri selama dua tahun dari 1999 selepas berkhidmat sebagai duta Malaysia ke Jepun selama 10 tahun.

-- BERNAMA

AU AU PR